**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN**
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

# PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
# SESI II : 2024 / 2025

# SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

## SPP 30283
## PERNIAGAAN ANTARABANGSA

**Dua (2) jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN UMUM**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B.**
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D.** Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

## BAHAGIAN A

*[ 40 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Berikan takrif perniagaan antarabangsa**.** CLO1 T1

    **A** Perniagaan yang tidak berasaskan pertukaran.
    **B** Perniagaan jual beli antara penduduk sebuah negara.
    **C** Perniagaan yang melibatkan operasi  oganisasi sesebuah negara.
    **D** Perniagaan yang melibatkan sesebuah negara dengan negara yang lain.

2. "Kepakaran dapat di perolehi dari luar negara dan meningkatkan pengeluaran". Namakan kepentingan perniagaan antarabangsa yang **BETUL** berdasarkan kepada penyataan di atas. CLO1 T1

    **A** Tukaran asing
    **B** Meluaskan pasaran
    **C** Meningkatkan guna tenaga
    **D** Menggalakkan pemindahan teknologi

3. Pilih penyataan yang **BETUL** mengenai perniagaan antarabangsa berbanding perniagaan domestik. CLO1 T1

    **A.** Perniagaan antarabangsa mempunyai risiko lebih rendah dari perniagaan domestik.
    **B.** Penggunaan dokumentasi untuk perniagaan antarabangsa adalah lebih mudah dari perniagaan domstik.
    **C.** Perniagaan domestik menggunakan matawang yang sama tetapi perniagaan antarabangsa menggunakan matawang yang berbeza.
    **D.** Perniagaan antarabangsa merangkumi aktiviti borong dan runcit sementara  perniagaan domestik merangkumi aktiviti import, eksport dan entreport.

4. "Pada tahap ini, Syarikat beroperasi merentas sempadan secara bebas bagi memenuhi keperluan dan kehendak pasaran dunia." CLO1 T1

Tentukan tahap perniagaan antarabangsa bagi penyataan di atas.

**A** Tahap global
**B** Tahap domestik
**C** Tahap multinasional
**D** Tahap antarabangsa

5. CLO1 T2




Rajah 1

Merujuk Rajah 1, namakan **X** .

**A** Francais
**B** Subsidiari
**C** Perlesenan
**D** Kontrak pengeluaran

6. CLO1 T2

| |
|---|
| Kemboja, Myammar, Laos dan Vietnam adalah antara negara yang berusaha untuk berubah dan memperbaiki sektor ekonomi dan perniagaan antarabangsa. |

Apakah konsep perniagaan antarabangsa di atas?

**A** Francais
**B** Penswastaan
**C** Selatan-selatan
**D** Pasaran menimbul

7. Antara berikut, manakah risiko yang mudah di atasi oleh Syarikat Multinasional. CLO1 T3

**A** Risiko perubahan politik
**B** Risiko tenaga buruh tak berkemahiran
**C** Risiko kehilangan aset akibat peperangan
**D** Risiko kesukaran mendapat balik keuntungan

CLO1 T3

8.




Rajah 2

Kenal pasti struktur organisasi yang dipaparkan di Rajah 2.

**A** Matrik
**B** Produk
**C** Geografi
**D** Fungsian

9. Pilih cabaran yang akan dihadapi oleh syarikat multinasional dari aspek ekonomi. CLO1 T3

**A** Adat budaya
**B** Perundangan ketat
**C** Bilangan penduduk
**D** Kuasa beli pengguna

10. Pilih pernyataan yang **BETUL** mengenai tujuan mengembangkan perniagaan ke peringkat multinasional. CLO1 T3

I. Meningkatkan tarif dan kuota.
II. Meningkatkan saiz pasaran dan pelaburan
III. Meningkatkan kekuatan sumber pertahanan
IV. Meningkatkan jualan, keuntungan dan kepelbagaian produk

**A** I, II
**B** I, IV
**C** II, III
**D** II, IV

11. Nyatakan akronim bagi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. CLO1 T4

**A** MITEC
**B** MTRADE
**C** MATTAR
**D** MATRADE

12. CLO1 T4

- Ditubuhkan oleh negara-negara Eropah pada tahun 1957.
- Antara negara yang menganggotai adalah United Kingdom, Austria dan German.
- Matlamat penubuhan adalah untuk menggalakkan perkembangan aktiviti ekomoni antara negara anggota.

Kenalpasti blok perniagaan yang dimaksudkan di atas.

**A** EU
**B** AFTA
**C** NAFTA
**D** MATRADE

13. Nyatakan kelebihan subsidi yang diberikan oleh kerajaan bagi menggalakkan perdagangan antarabangsa. CLO1 T4

**A** Mengurangkan keuntungan pengeluar yang memasuki pasaran perdagangan antarabangsa
**B** Bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada pengusaha yang ingin memasukan pasaran antarabangsa
**C** Pengecualian cukai terhadap keuntungan pengeluar yang diberikan selama beberapa tahun apabila syarikat mula beroperasi
**D** Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap bagi menggalakkan kemasukan pengusaha antarabangsa dalam pasaran Malaysia

14. Pilih yang manakah **BUKAN** tujuan Kerjasama Ekonomi Asia Pasific (APEC). CLO1 T4

**A** Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi serantau.
**B** Membangun dan mengukuhkan sistem perdagangan yang terbuka.
**C** Mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan rantau eropah untuk kebaikan rakyatnya
**D** Mengurangkan halangan - halangan dalam perdagangan barangan dan perkhidmatan antara negara anggota.

15. Pilih kenyataan yang betul mengenai perdagangan timbal balas. CLO1 T4

I. Peningkatan aliran wang keluar ke negara pengeksport.
II. Pengurangan pertukaran berasaskan produk negara pengimport.
III. Pertukaran barang dan perkhidmatan antara dua negara tanpa penggunaan matawang.
IV. Persetujuan pengimport dan pengeksport bagi urusan pembelian di syarikat yang telah dinamakan.

**A** I, II
**B** I, III
**C** II, IV
**D** III, IV

16. “Kerajaan akan memberi pengecualian cukai keuntungan kepada pelabur baharu untuk tempoh dua tahun hingga lima tahun”. CLO1 T4

    Berdasarkan penyataan di atas, tentukan jenis galakan pelaburan melalui kempen kerajaan yang tepat.

    **A** Subsidi
    **B** Taraf perintis
    **C** Koridor raya multimedia
    **D** Zon perdagangan bebas

17. “Meningkatkan kos produk atau perkhidmatan yang diimport akan menyebabkan peningkatan harga produk”. CLO1 T5

    Kenalpasti kaedah perlindungan perdagangan yang dinyatakan di atas.

    **A** Tariff
    **B** Subsidi
    **C** Embargo
    **D** Anti lambakan

18. Mengawal tindakan membawa masuk produk dalam kuantiti yang banyak bagi menembusi pasaran. CLO1 T5

    Apakah kaedah bukan tarif yang sesuai berdasarkan kepada penyataan di atas?

    **A** Anti lambakan
    **B** Subsidi eksport
    **C** Kawalan pertukaran wang asing
    **D** Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia

19. "Barang-barang yang tidak mematuhi keselamatan yang ditetapkan tidak dibenarkan memasuki pasaran tempatan ." CLO1 T5

Pilih kaedah perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh Malaysia melalui tindakan di atas?

**A** Piawai
**B** Anti lambakan
**C** Subsidi eksport
**D** Kawalan pertukaran asing

20. Pilih objektif perlindungan perdagangan yang **BETUL**. CLO1 T5

I. Meningkatkan cukai dalam bentuk tariff
II. Meningkatkan mutu keluaran dan pemindahan teknologi
III. Mengenepikan pesaing bagi mewujudkan persekitaran monopoli.
IV. Meningkatkan pemeriksaan ketat bagi tujuan keselamatan.

**A** I, II, III
**B** I, II, IV
**C** I, III, IV
**D** II, III, IV

## BAHAGIAN B

*[ 60 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

### Soalan 1

a) Senaraikan **EMPAT (4)** kepentingan perniagaan antarabangsa. CLO1 T1

*[4 markah]*

b) Huraikan **TIGA (3)** perbezaan antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa. CLO1 T1

*[6 markah]*

c) Nyatakan **EMPAT (4)** tujuan penubuhan syarikat multinasional. CLO1 T3

*[4 markah]*

d) Bincangkan **TIGA (3)** kebaikan struktur organisasi mengikut fungsi yang diamalkan oleh sesebuah syarikat multinasional. CLO1 T3

*[6 markah]*

### Soalan 2

a) Senaraikan **TIGA (3)** strategi memasuki perniagaan antarabangsa. CLO1 T2

*[3 markah]*

b) Berikan **TIGA (3)** konsep dalam perniagaan antarabangsa. CLO1 T2

*[3 markah]*

c) Terangkan objektif perlindungan perdagangan antarabangsa berikut: CLO1 T5

i) Sumber hasil kerajaan.

ii) Melindungi industri muda dan tempatan.

iii) Keselamatan.

*[6 markah]*

d) Bincangkan kaedah bukan tarif berikut: CLO1 T5

i) Kuota
ii) Embargo
iii) Subsidi eksport
iv) Kawalan pertukaran asing

*[8 markah]*

**Soalan 3**

a) Senaraikan **EMPAT (4)** jenis blok perdagangan antarabangsa. CLO1 T4

*[4 markah]*

b) Nyatakan **TIGA (3)** objektif penubuhan Kesatuan Eropah (EU). CLO1 T4

*[6 markah]*

c) Terangkan **TIGA (3)** perkara yang berkaitan dengan ASEAN (Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara). CLO1 T4

*[6 markah]*

d) Jelaskan galakan pelaburan melalui kempen kerajaan berikut: CLO1 T4

i) Koridor Raya Multimedia (MSC)
ii) Zon Perdagangan Bebas

*[4 markah]*

**SOALAN TAMAT**

**Selamat Menjawab**